

25/08/2001

TPM bimbang kecenderungan tolak demokrasi

Salina Abdullah

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bimbang dengan kecenderungan segelintir rakyat negara ini yang memilih cara bertentangan daripada amalan demokrasi untuk mencapai sesuatu sehingga menjejaskan keselamatan rakyat dan negara.

Timbalan Perdana Menteri berkata, pendekatan golongan itu termasuk melalui gerakan militan seolah-olah menunjukkan amalan demokrasi di negara ini tidak adil dan tidak mampu memperjuangkan kebajikan rakyatnya.

Beliau berkata, amalan demokrasi di negara ini jauh lebih baik berbanding negara lain, termasuk kepada pembangkang, sehingga membolehkan mereka menubuhkan kerajaan seperti di Kelantan dan Terengganu.

"Sudah jelas amalan demokrasi di negara ini amat baik. Peranan demokrasi di negara ini juga menguntungkan rakyat.

"Saya hairan mengapa rakyat masih memilih cara yang tersembunyi ini, cara subversif, pendekatan yang boleh membawa kemusnahan, kerosakan dan menjejaskan kestabilan," katanya mengulas gerakan jihad di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) di negara ini.

Semalam, Naib Canselor UUM, Prof Datuk Dr Ahmad Fawzi Mohd Basri, mendedahkan kewujudan gerakan yang cuba mempengaruhi pelajar IPTA berjihad, termasuk mengangkat senjata untuk menubuhkan negara Islam.

Beliau berkata, gerakan yang cuba diterapkan oleh pertubuhan bukan kerajaan (NGO) itu dan membabitkan seorang pensyarah UUM menyamai jihad anggota Kumpulan Militan Malaysia (KMM).

Katanya, kumpulan itu dikesan mula menerapkan pengaruh mereka ke atas seorang pelajar tahun akhir UUM dan 49 pelajar IPTA lain ketika Seminar Mahasiswa Du'at 2000 di Kompleks Belia dan Sukan Batu Uban, Pulau Pinang, pada 30 Oktober tahun lalu.

Abdullah yang kesal dan berdukacita dengan perkembangan itu berkata, rakyat Malaysia seharusnya bersyukur dengan keamanan dan kestabilan yang dinikmati hampir 44 tahun lamanya.

"Kita, anda semua adalah rakyat Malaysia yang amat bertuah. Kita tidak ada persekitaran semula jadi yang membawa bencana. Manusia yang menyebabkan masalah.

"Oleh itu, kita kena ambil tindakan segera bagi menyekat segala tindakan yang boleh menjejaskan keamanan dan kestabilan ini sehingga membawa masalah kepada rakyat majoriti," katanya sambil menambah beliau sudah meminta polis memberi laporan lanjut berhubung gerakan jihad di IPTA itu.

Bercakap kepada pemberita selepas majlis pelancaran jualan kereta nasional terkini, Perodua Kelisa, Timbalan Perdana Menteri yakin, Kelisa mampu menyaingi Kancil berikutan reka bentuk dan spesifikasinya yang lebih menarik dan bermutu tinggi.

"Saya terus jatuh hati sebaik saja melihat Kelisa ini. Ia mengingatkan saya kepada kereta mini saya dulu. Ia mungkin menjadi pesaing hebat kepada Kancil. Tetapi tidak mengapa, tokehnya sama.

"Kelisa ini cantik dan sesuai khususnya untuk anak muda dan suri rumah," katanya sambil menambah kenderaan tempatan kini semakin bermutu tinggi khususnya dari segi reka bentuk dan spesifikasi enjin.

Pada majlis itu, Abdullah turut menyampaikan replika kunci kereta Kelisa kepada pemenang penama Kelisa, Mimi Zairul Mohd Fuzi. Mimi Zairul dari Selama, Perak, menewaskan 34,000 peserta lain dalam proses pencarian nama bagi model terbaru Perodua itu.

Dengan pelancaran itu, orang ramai kini boleh menatap dan menempah

Kelisa di 152 cawangan dan pejabat edaran Perodua di seluruh negara. Sejak pelancaran pengeluarannya oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 4 Ogos lalu, Perodua menerima 2,500 tempahan bagi Kelisa dan Perodua menjangka menerima 3,000 tempahan setiap bulan.

Perodua Kelisa yang berasaskan model Daihatsu Mira dan menggunakan enjin serta casis sama dengan Perodua Kenari. Kelisa dengan keupayaan 1,000 cc adalah model kelima Perodua selepas Kancil, Rusa, Kembara dan Kenari dan dijual pada harga RM36,000 hingga RM39,000 seunit.

Mengulas dasar luar Australia kini yang beralih arah dari Asia ke Amerika Syarikat, Abdullah berkata, tindakan Australia itu tidak merugikan negara Asia, termasuk Malaysia.

"Ini bukan satu kehilangan bagi Asia, Asean mahupun Malaysia. Kita pun memang sudah menjangka Australia akan menunjukkan sikap begitu dan mendekatkan diri dengan negara Eropah dan Amerika Syarikat," katanya.

Perdana Menteri Australia, John Howard dalam kenyataannya sebelum ini menjelaskan perubahan dasar luar Australia itu adalah berikutan keadaan yang tidak stabil di rantau Asia serta perbezaan aspirasi berbanding dengan Amerika Syarikat.

(END)